

## **NOTA MAKLUMAN**

### **MENGENAI**

# **OPERASI BERSEPADU KE ATAS KILANG PEMROSESAN BUANGAN TERJADUAL SISA ELEKTRONIK (E-WASTE) YANG BEROPERASI SECARA HARAM DI KAWASAN ORANG ASLI, KAMPUNG PADANG MUKIM BEBAR, DAERAH PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR PADA 15 FEBRUARI 2025**

## **TUJUAN**

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar berkenaan perkara di atas.

## **LATAR BELAKANG**

2. Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang telah menjalankan Operasi Bersepadu E-Waste bersama Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) pada 15 Februari 2025 ke atas premis kilang pemprosesan buangan terjadual sisa elektronik (e-waste) yang beroperasi secara haram di Kawasan Orang Asli, Kampung Padang, Mukim Bebar, Daerah Pekan, Pahang Darul Makmur. Koordinat premis adalah: 3.1553300, 103.1865100.

## **PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

### **Hasil Siasatan JAS Pada 15 Februari 2025**

3. Pada 15 Februari 2025 kira-kira jam 9.00 pagi, satu taklimat Operasi Bersepadu bersama agensi kerajaan telah dijalankan sebelum serbuan ke atas premis tersebut. Berikut adalah butiran agensi yang terlibat:

<b>Bil.</b>	<b>Agensi</b>	<b>Bilangan</b>
1.	Jabatan Alam Sekitar (JAS)	10
2.	Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP)	7
3.	Polis Diraja Malaysia (PDRM) – Unit Dron	3
4.	Pasukan Gerakan Am (PGA)	25

4. Serbuan bermula kira-kira jam 1.30 petang. Premis didapati tidak beroperasi. Seorang pekerja warga asing dari Bangladesh dan seorang orang asli warga tempatan telah ditahan bagi membantu siasatan.

5. Siasatan mendapati lokasi premis berada di dalam kawasan penempatan orang asli, yang berada di antara sempadan ladang kelapa sawit. Jarak premis dari jalan ladang kira-kira 400 meter, manakala dari Jalanraya Utama Kuantan-Segamat kira-kira 6 kilometer. Tiada sumber air berhampiran lokasi premis.

6. Siasatan mendapati premis mempunyai tiga (3) kompleks di dalam kawasan tersebut, yang menjalankan aktiviti pemprosesan e-waste melalui pelbagai kaedah pengasingan, pembakaran dan peleburan, sehingga menghasilkan ingot dalam bentuk jongkong. Premis juga disyaki menjalankan operasi pada waktu lewat petang sehingga malam.

7. Melalui rakaman percakapan yang dijalankan, tanah tersebut telah disewa oleh warga tempatan berbangsa Cina dan seorang warga asing dari China. Turut ditemui Surat Perjanjian sewaan dan Penyata Akaun bank semasa siasatan.

8. Berikut adalah jumlah penemuan keseluruhan yang kesemuanya disyaki sebagai buangan terjadual:

<b>Bil.</b>	<b>Senarai</b>	<b>Bilangan</b>
1.	E-waste (SW110)	600 jumbo bag dan 4 longgok
2.	Ingot (SW104)	2072 unit jongkong
3.	Sisa (SW104)	3 longgok

9. Sebanyak 22 set persampelan buangan terjadual telah dijalankan dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia Pahang bagi tujuan analisa.

### **Tindakan Yang Diambil Oleh Jabatan Alam Sekitar Pahang**

10. Penahanan Operasi dan Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dijalankan ke atas kelengkapan di premis.

11. Sitaan di bawah Seksyen 38(1)(c), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dijalankan ke atas buangan terjadual dan kenderaan yang ditemui.

12. Berikut adalah senarai barang kes selain buangan terjadual yang ditahan/disita:

<b>Bil.</b>	<b>Senarai</b>	<b>Bilangan</b>
1.	Dapur bercerobong	4 unit
2.	Dapur rotary kiln	1 unit
3.	Mesin pengasing	5 unit
4.	Janakuasa	2 unit
5.	Forklift	5 unit

## **SYOR**

13. Tindakan perundangan bagi kesalahan di bawah Seksyen 18, 19, 34A, dan 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ke atas pemilik premis.

14. Tindakan Perintah Larangan di bawah Seksyen 34AA, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ke atas premis.


## **PENUTUP**

Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap kes ini.


**JABATAN ALAM SEKITAR PAHANG**

**15 FEBRUARI 2025**


## PETA LOKASI DAN GAMBARFOTO



Lokasi premis yang berada di Kawasan Orang Asli Kampung Padang. Premis mempunyai 3 kompleks pemrosesan e-waste.



Lokasi premis yang berada kira-kira 6 KM dari Jalanraya Utama Kuantan-Segamat



Gambar pemantauan udara menggunakan dron.



Laluan masuk melalui jalan ladang kelapa sawit.



Kaedah pembakaran bertutup zink di Kompleks A.



Dapur bercerobong di Kompleks A.



E-waste yang disita di Kompleks A



E-waste yang disita di Kompleks A.



Dapur (rotary kiln) di Kompleks B.



E-waste yang disyaki dibakar terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam dapur (rotary kiln) bagi mengasingkan bendasing di Kompleks B.



E-waste yang disita di Kompleks B.



E-waste yang disita di Kompleks B.



Dapur bercerobong di Kompleks C.



Dapur yang masih dalam fasa pembinaan di Kompleks C.



E-waste yang disita di Kompleks C.



Persampelan e-waste.



Persampelan e-waste.



Ingot yang dihasilkan.



Pegawai Penyiasat bersama YDH SAC Datuk Nik Ros Azhan Bin Nik Ab Hamid, Komander Briged Tenggara PGA dan Tn. Zairul Azman Husaini Bin Sulaiman, Pegawai Penguatkuasa Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP).